



## SIARAN AKBAR

---

**MAJLIS MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM  
BAGI TAHUN 1444 HIJRAH / 2023 MASIHI  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Hari Khamis, 22 Ramadan 1444H/ 13 April 2023M  
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**

**Bandar Seri Begawan, 13 April 2023** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan di bawahnya pada pagi tadi telah mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir di majlis berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar, Pemangku Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai-Pegawai Kanan serta Pegawai dan Kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, ayat 29 hingga 30 Surah Fatir yang dibacakan oleh Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib, Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan Tahun 2022 diikuti dengan kesimpulan makna yang disampaikan oleh Awang Muhd Zukrina bin Haji Daimun, Pembantu Perhutanan, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Ceramah Khas memperingati Nuzul Al-Quran yang bertajuk "Al-Quran Nikmat Teragung" yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Abdul Rahman bin Haji Ajak dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, diikuti dengan penyampaian derma anak-anak yatim seramai 46 orang oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang juga dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim ini diungkayahkan oleh Jabatan Perhutanan dan ianya adalah merupakan salah satu aktiviti-aktiviti keagamaan tahunan bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan Ramadan yang penuh berkah ini. Disamping itu jua, majlis ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian serta Jabatan-Jabatan di bawahnya serta menunjukkan sifat keperihatinan kepada golongan yang memerlukan khususnya anak-anak yatim di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:  
Jabatan Perhutanan  
Kementerian Sumber -Sumber Utama dan Pelancongan